



SIARAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN MULA PROJEK (KICK OFF) NAIK TARAF **KEMUDAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM)** **JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)** **DI KAMPUNG MINYAK BEKU**

Batu Pahat, 23 Ogos 2025 – Akauntan Negara Malaysia (ANM) YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Mula Projek (*Kick Off*) naik taraf kemudahan Kampung Angkat MADANI Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di Kampung Minyak Beku hari ini.

Turut hadir dalam program ini adalah Timbalan Akauntan Negara (Operasi) YBrs. Puan Noorlida Mohd Khalid, Timbalan Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Johor (ICU Johor) YBhg. Datin Norasikin Nordin dan Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Negeri Johor YBrs. Puan Amy Lydia Adnan.

Sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan kepada Kampung Minyak Beku melalui pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Menerusi program ini beberapa projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sehingga Disember 2025. Antaranya adalah membina pagar di kawasan perkuburan, menyediakan kemudahan prasarana pengurusan jenazah, menyediakan kemudahan saluran paip air kepada 16 buah rumah penduduk dan menaik taraf Balai Islam.

Majlis ini menyaksikan upacara penyerahan projek menyediakan kemudahan saluran paip air dan projek membina pagar kubur kepada kontraktor yang telah dilantik. Selain itu turut diadakan adalah penyerahan sebuah van jenazah kepada Pengerusi Masjid Jamek Haji Arshad bagi menggantikan van sedia ada yang telah uzur.

Melalui inisiatif ini, penghuni 16 buah rumah di Kampung Minyak Beku yang sejak sekian lama bergantung kepada sumber air perigi akan mendapat bekalan air bersih dan selamat apabila projek ini disiapkan kelak. Manakala pembinaan pagar di tanah perkuburan pula akan dapat memelihara kebersihan dan mengelakkan pencerobohan haiwan liar di kawasan perkuburan. Projek menaik taraf Balai Islam pula diharapkan dapat memberikan keselesaan dan menarik minat lebih ramai penduduk kampung untuk menjalankan dan menyertai aktiviti yang telah dirancang.

YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad dalam ucapannya mengucapkan penghargaan kepada agensi kerajaan lain yang turut sama membantu melancarkan projek KAM JANM ini iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Kerja Raya, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Koridor Utiliti Johor dan kontraktor-kontraktor yang telah dilantik. Beliau juga berharap projek KAM dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab pada tahap kualiti yang terbaik.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
23 OGOS 2025



Datuk Nor Yati Ahmad ketika melawat projek pembinaan pagar tanah perkuburan bersama kontraktor Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu Batu Pahat, agensi Kerajaan, ketua kampung Minyak Beku Encik Hayat Rahmat dan penduduk kampung



Melawat pagar di Tanah Perkuburan yang sedang dalam proses pembinaan



Datuk Nor Yati Ahmad mendengar penerangan dari kontraktor pembinaan saluran paip air - Perniagaan Rezayu (baju kuning dan kemeja hijau) berkaitan perkembangan projek



Bersama agensi kerajaan dan penerima sumbangan di Minyak Beku



Bersama Ketua Kampung Perkampungan Orang Asli, Desa Sri Banang, Minyak Beku - Encik Amran Jantan.



Datuk Nor Yati Ahmad menyampaikan ucapan



Penyampaian van jenazah baharu kepada imam Masjid Jamek Haji Arshad, Hj. Sazali bin Hj Hashim





Melihat dan melawat Sungai Minyak Beku yang dimohon oleh penduduk kampung semasa untuk diperdalamkan bagi kemudahan bot berlabuh